

02 AUG 1999

Razaleigh-manifesto

MANIFESTO UMNO KELANTAN BERTEMA "KEMAJUAN KEPADA RAKYAT"

GUA MUSANG, 2 Ogos (Bernama) -- Umno Kelantan sedang merangka manifesto khas bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, yang kandungannya menekankan aspek kemajuan kepada rakyat, bertujuan meningkatkan taraf ekonomi dan sosial penduduknya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata manifesto itu dapat membuktikan kepada rakyat Kelantan bahawa kerajaan pusat mempunyai wawasan tersendiri untuk melaksanakan semua program pembangunan yang menguntungkan rakyat dan Kelantan bagi tempoh jangka panjang.

"Kita hendak memastikan Kelantan tidak terus ketinggalan sebaliknya menikmati pembangunan yang setaraf dengan negeri-negeri lain," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Menurutnya rakyat dapat menilai sendiri corak pemerintahan PAS yang menerajui kerajaan negeri sejak 1990 apabila tidak banyak infrastruktur dibangunkan dan taraf hidup masyarakat juga tidak berubah.

Tengku Razaleigh juga yakin apabila Barisan Nasional (BN) kembali menerajui Kelantan, para pelabur, yang sebelum ini keberatan untuk melabur di negeri itu ekoran kelemahan pentadbiran kerajaan negeri, akan mula membuat pelaburan dalam pelbagai sektor.

Tengku Razaleigh berkata usaha untuk menjadikan Kelantan sebagai pusat pelaburan yang menguntungkan boleh dilaksanakan oleh kerajaan BN apabila banyak pihak termasuk pelabur telah mula menunjukkan minat.

"Malahan pada 10 Ogos ini di Kuala Lumpur, para pelabur dan golongan korporat akan berjumpa dengan saya bagi membincangkan mengenai peranan dan sumbangan yang boleh mereka berikan untuk membantu Kelantan," katanya.

Beliau berkata rakyat Kelantan perlu membantu kerajaan BN merealisasikan semua matlamat itu bagi mengelakkan keadaan dan suasana lembab sekarang berterusan ekoran daripada kelemahan pemimpin PAS.

Tengku Razaleigh berkata akhir-akhir ini, rakyat Kelantan mula menunjukkan perubahan positif termasuk berminat dengan pembangunan yang ingin dilaksanakan kerajaan pusat.

Menurutnya sokongan ketara rakyat Kelantan terhadap kerajaan pusat dapat dilihat semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan baru-baru ini.

"Ramai rakyat tanpa diundang membanjiri kiri kanan jalan dengan penuh bersemangat menyambut Dr Mahathir...ini tidak pernah berlaku dan saya perasan ada perubahan sikap di kalangan rakyat Kelantan," katanya.

Terdahulu, Tengku Razaleigh yang juga anggota Parlimen Gua Musang, menghadiri pemeran kraftangan dan kebudayaan Orang Asli Kelantan yang dirasmikan oleh Raja Perempuan Kelantan.

Pada majlis itu, seramai 70 penghulu Orang Asli dari seluruh Kelantan menerima bantuan seperti hamper makanan dan kain daripada Raja Perempuan Kelantan.

-- BERNAMA

RAR NAK